

POLISI PENGURUSAN DANA WAKAF UniSZA



POLISI PENGURUSAN DANA WAKAF UniSZA

Nama Polisi : Polisi Pengurusan Dana Wakaf UniSZA

Nombor Polisi :

Diluluskan Oleh : Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA (JDWU)

Tarikh Kuat kuasa : ____2024

Pautan Rasmi : <https://wakaf.unisza.edu.my>

SEKSYEN 1: PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG

Garis Panduan ini dinamakan sebagai Polisi Pengurusan Wakaf Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengurusan kutipan, simpanan, pelaburan, perbelanjaan dan agihan dana yang dikumpulkan bagi tujuan wakaf.

1.1 RUJUKAN PERUNDANGAN UNTUK PUNCA KUASA

Nama Dokumen	Klausa Rujukan
Surat Kelulusan Pelaksanaan Wakaf di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Rujukan : MAIDAM 02.02-003/82(21) Tarikh : 18 Disember 2022 Bersamaan : 18 Rabiulakhir 1438	Seluruh Dokumen
Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Tarikh : 13 April 2017 Bersamaan : 20 Rejab 1438	Seluruh Dokumen
Memorandum Perjanjian Usaha Sama Wakaf Antara UniSZA dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Tarikh : 7 Ogos 2022	Seluruh Dokumen
Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	Seluruh Dokumen
Panduan Prasiswazah Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	Seluruh Dokumen

1.2 SKOP KUATKUASA PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua Pusat Tanggungjawab di UniSZA yang menguruskan dan/atau menggunakan dana wakaf UniSZA.

1.3 PRINSIP POLISI

- a) Pejabat Wakaf & Endowmen memberi jaminan kepada pihak pemegang taruh bahawa agenda wakaf pendidikan dan kesihatan untuk kebajikan penerima yang layak sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
- b) Pejabat Wakaf dan Endowmen bertanggungjawab untuk memastikan semua permohonan yang layak dibawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA (JDWU), Jawatankuasa Kewangan & Pelaburan Wakaf (JKPW) atau Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA (JAWAZ).
- c) Pejabat Wakaf & Endowmen memberi jaminan kepada pihak pemegang taruh bahawa agihan Dana Janaan Hasil Wakaf hanya boleh dibuat dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA (JAWAZ) yang berpandukan kepada hukum syarak.
- d) Pejabat Wakaf dan Endowmen bertanggungjawab untuk memastikan semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA (JAWAZ) dilaksanakan sepertimana yang diputuskan.

1.4 SENARAI SINGKATAN

Singkatan	
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
JKPU	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
JDWU	Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA
JKPW	Jawatankuasa Kewangan & Pelaburan Wakaf
JAWAZ	Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA

SEKSYEN 2: WAKAF DAN TATACARA BERKAITAN

2.0 DEFINISI WAKAF

Wakaf adalah

- menyerahkan hak milik apa sahaja harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya;
 - menyerahkan manfaat, faedah atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa sahaja harta; atau
 - menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya;
- sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

2.1 JENIS WAKAF

Wakaf dibahagikan kepada

- a) wakaf am, iaitu apa sahaja harta (selepas ini disebut *mawquf*) yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut hukum syarak;
- b) wakaf khas, iaitu apa sahaja *mawquf* yang diwujudkan bagi satu tujuan yang khusus menurut hukum syarak;

Harta yang diwakafkan kepada wakaf am hendaklah dilaporkan dan diuruskan sebagaimana yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA.

Harta yang didaftarkan sebagai harta wakaf tanpa disebutkan sebarang tujuan wakaf hendaklah dimasukkan ke dalam senarai harta wakaf am UniSZA.

Manakala harta yang diwakafkan kepada wakaf khas dengan disebutkan tujuannya hendaklah diuruskan menurut kehendak pewakaf.

2.2 RUKUN DAN SYARAT WAKAF

Waqif, iaitu pihak yang mewujudkan satu wakaf iaitu individu atau institusi yang mewakafkan apa sahaja *mawquf*. *Waqif* mestilah

- a) melakukan wakaf dengan penuh kerelaan.
- b) mempunyai kapasiti undang-undang, iaitu berumur 18 tahun ke atas, sempurna akal, dan matang.
- c) tidak diisytiharkan bankrap

Mawquf, iaitu apa sahaja harta yang telah diwakafkan. *Mawquf* mestilah

- a) harta fizikal, sama ada harta alih, harta tak alih atau harta intelek.
- b) harta milik pewakaf dengan pemilikan penuh.
- c) boleh dipindahmilik tanpa sebarang halangan
- d) boleh memberi manfaat sebagaimana yang dibenarkan oleh hukum syarak.

Mawquf Alayh, iaitu, pihak yang berhak menerima apa sahaja manfaat, faedah, kepentingan atau keuntungan daripada satu *mawquf*.

Dalam konteks Wakaf UniSZA, *mawquf alayh* adalah warga UniSZA yang terdiri daripada para pelajar, pensyarah, kakitangan dan pihak-pihak yang dibenarkan menggunakan manfaat aset UniSZA, termasuk mereka yang bukan beragama Islam.

Bagi memenuhi maksud ini, pusat tanggungjawab di UniSZA yang ingin menjalankan program atau projek yang berasaskan wakaf hendaklah merujuk dan menyelaraskannya dengan Pusat Wakaf dan Endowmen UniSZA.

Sekiranya UniSZA sebagai *mawquf alayh* telah hilang kelayakan dengan sebab-sebab yang ditentukan oleh perundangan seperti dibubarkan, dipindah milik kepada pihak swasta atau individu, status *mawquf alayh* berpindah kepada MAIDAM sebagaimana perkara 28 Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.

Sighah, iaitu satu pernyataan wakaf sama ada secara lisan, bertulis atau melalui isyarat.

Perlaksanaan *sighah* wakaf hendaklah merujuk kepada tatacara pendaftaran harta wakaf UniSZA sebagaimana perkara **(2.3)** garis panduan ini.

2.3 TATACARA PENDAFTARAN HARTA WAKAF UNISZA

Pendaftaran wakaf bagi UniSZA hendaklah dibuat melalui borang-borang-spaqm yang disediakan sebagaimana lampiran polisi ini.

Bil	Jenis Borang	Kod Borang
1.	Ikrar Wakaf	UniSZA-PTKEW-31-PK 001-BR-001 (04)
2.	Borang Dana Wakaf UniSZA	UniSZA-PTKEW-31-PK 003-BR 001(04)
3.	Sistem Pendaftaran Aset Wakaf	UniSZA-PTKEW-31-PK 004 BR006 (01)
4.	Kutipan Tabung	UniSZA-PTKEW-31-PK 001-BR 002(04)

Harta yang telah diserahkan kepada UniSZA sebagai harta wakaf dikategorikan sebagai "Harta Wakaf UniSZA" dan hendaklah didaftarkan kepada Unit Aset di bawah Pejabat Bendahari sebagaimana prosedur yang ditetapkan oleh UniSZA.

Harta wakaf UniSZA yang telah sah diwakafkan tidak boleh dipindahmilik melainkan sebagaimana yang dibenarkan dalam peruntukan berkaitan dengan proses *istibdal* harta wakaf.

2.4 PENGURUS HARTA WAKAF UNISZA

Pengurus harta wakaf tunggal bagi negeri Terengganu Darul Iman adalah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM).

Pengurusan harta wakaf UniSZA adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA selaku jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengurus, pentadbir dan pemegang harta wakaf bagi pihak MAIDAM di UniSZA.

Pusat Wakaf dan Endowmen UniSZA melalui Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA adalah pentadbir kepada dana atau harta wakaf UniSZA yang diwakafkan secara wakaf am atau yang tidak dinyatakan penerima manfaat secara khusus oleh pewakaf.

Pusat Wakaf dan Endowmen UniSZA hendaklah mencadangkan dan mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA berkaitan penggunaan manfaat dana atau harta wakaf am tersebut.

Pusat Wakaf dan Endowmen UniSZA melalui Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA berhak memberi izin kepada Pusat Tanggungjawab UniSZA yang menjadi penerima manfaat untuk mengurus, mentadbir dan memegang Harta Wakaf UniSZA atau sebagaimana yang dikehendaki oleh pewakaf bagi kes *wakaf khas*.

2.5 PELABURAN DANA WAKAF

Berdasarkan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Kedua tahun 2017 yang bersidang pada 13 Muharam 1439H bersamaan 4 Oktober 2017, wang tunai yang disumbangkan oleh mana-mana pihak melalui skim ini akan menjadi wakaf setelah pihak MAIDAM yang dilantik sebagai wakil membeli, membuat atau membina sebarang harta yang berkonsepkan aset kekal.

Pelaburan dana wakaf UniSZA mestilah mendapatkan persetujuan Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA setelah dinilai oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan Dana Wakaf UniSZA (JKPW).

Sebarang penggunaan dana tunai wakaf untuk tujuan pelaburan mestilah ditukarkan kepada aset kekal.

2.6 PENJANAAN HASIL DARIPADA HARTA WAKAF

Penjanaan hasil adalah sebarang proses atau usaha untuk menjana pendapatan melalui pelbagai sumber seperti pelaburan, sewaan, jualan dan sebagainya. Tujuan dari penjanaan hasil adalah untuk memperoleh pendapatan yang memadai untuk membiayai kos operasi, mendapatkan keuntungan, dan mengembangkan harta wakaf.

Sebarang pendapatan yang terhasil dari harta wakaf hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA sebelum ia digunakan untuk sebarang tujuan.

Penggunaan dana hasil penjanaan dari harta wakaf hendaklah diuruskan sebagaimana yang dipersetujui dalam MOA Wakaf UniSZA dan MAIDAM iaitu;

- a. 10% belanja mengurus
- b. 50% agihan
- c. 40% belanja pengurusan harta wakaf.

2.7 ISTIBDAL HARTA WAKAF

Istibdal adalah perbuatan menggantikan sesuatu *mawquf* dengan satu harta lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada *mawquf* itu, dengan menukarkan, membeli, menjual, atau apa sahaja cara lain menurut hukum syarak;

Sebarang proses *Istibdal* adalah tertakluk kepada kelulusan dan kebenaran Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA.

SEKSYEN 3 : PELAKSANA POLISI PUSAT TANGGUNGJAWAB BERKAITAN

Bil.	PTJ
1.	Pejabat Wakaf dan Endowmen
2	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
3.	Semua Fakulti
4.	Pusat Asasi Sains & Perubatan

SEKSYEN 4 : TADBIR URUS

4.1 PEMILIK POLISI DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

Pemilik dan Penguatkuasa Polisi	Pejabat Wakaf dan Endowmen
Pengurus Dokumen Polisi	Pengarah Pejabat Wakaf dan Endowmen

4.2 KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)	Polisi ini akan dipantau, disemak dan ditambah baik sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Polisi ini boleh dipantau, disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa jika terdapat keperluan.
Penyiaran / Hebahan Polisi	Laman Web Pejabat Wakaf dan Endowmen Laman Web Rasmi UniSZa Portal Staf UniSZA

4.3 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
-	-	-	-

4.4 DOKUMEN RUJUKAN

Nama Dokumen
MOU dan MOA dengan MAIDAM